

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**  
**[ BAGAN DATUK ]**

**SOALAN : Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi**  
**[ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini berkenaan konflik tuntutan bertindih melibatkan perairan di Laut China Selatan antara Malaysia, Negara ASEAN dan juga China dan adakah terdapat sebarang insiden pencerobohan ke perairan negara melibatkan aset ketenteraan negara luar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Datuk atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu strategik yang penting kepada negara. Isu ini perlu dikendalikan secara menyeluruh dan setiap tindakan adalah berdasarkan pendekatan yang komprehensif. Tuntutan kedaulatan kawasan maritim Malaysia adalah seperti yang termaktub berdasarkan kepada Peta Baru Malaysia 1979 dan tuntutan ini dibuat berdasarkan kepada perundangan antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 (United Nations Convention on Law of the Sea 1982 - UNCLOS 1982).

3. Isu berkenaan kehadiran kapal asing di kawasan perairan Laut China Selatan, terutama isu pencerobohan ke perairan negara melibatkan aset ketenteraan luar, Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat sentiasa membangkitkan keperluan untuk semua pihak

mengelakkan tindakan yang boleh meningkatkan ketegangan, menjejaskan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan semasa mesyuarat-mesyuarat di fora antarabangsa.

4. Dalam hal ini, bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara, agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan negara seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sentiasa melaksanakan rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan perairan negara.

5. Kementerian Luar Negeri akan mengeluarkan bantahan secara lisan dan juga bertulis ke atas tindakan-tindakan pencerobohan oleh aset negara-negara luar ke perairan negara berdasarkan maklumat dan laporan lengkap dari agensi-agensi berkenaan. Bantahan-bantahan ini dibuat bagi menegaskan pendirian negara secara konsisten dan berterusan dalam isu kedaulatan negara di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negara-negara ASEAN dan China telah memulakan perbincangan substantif ke arah mewujudkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan (*Code of Conduct in the South China Sea – COC*).

7. Malaysia menjangkakan COC yang sedang dirundingkan ini dapat dimuktamadkan seawal mungkin dan akan berperanan sebagai “*rules-based framework*” yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkaitan dalam melaksanakan apa jua aktiviti di Laut China Selatan.

8. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan yang kompleks dan melibatkan hubungan antara negara, Kerajaan akan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam menentukan pendirian dan tindakan yang akan diambil. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah, kedaulatan dan kepentingan negara.